



# Syarikat China bangunkan kenderaan elektrik

Oleh **Essa Abu Yamin** - April 6, 2023 @ 12:56pm  
[essabuyamin@bh.com.my](mailto:essabuyamin@bh.com.my)



Syarikat China akan melaburkan dalam industri kenderaan elektrik di negara ini. - Foto hiasan NSTP/FAIZ ANUAR

PUTRAJAYA: Malaysia membawa masuk pelaburan kira-kira RM32.5 bilion menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), susulan lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke China.

Menterinya, Chang Lih Kang, berkata jumlah pelaburan berkenaan membabitkan dua syarikat daripada China menerusi syarikat automotif Geely bagi kenderaan elektrik (EV) dan sebuah syarikat teknologi DC-Sciences Co Ltd (DCS) membabitkan pusat data.

"Pelaburan Geely akan mencecah RM30 bilion dalam EV dan Malaysia juga banyak mempromosi Lembah Teknologi Tinggi Automotif di Tanjung Malim. Geely pelabur yang paling besar setakat ini.

"Satu lagi ialah DC-Sciences, sebuah pusat data yang akan berada di Sedenak, Johor. Pusat data berkenaan akan memberikan nilai pelaburan RM2.5 bilion kepada Malaysia," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, selain syarikat Geely, dua lagi syarikat pengeluar kenderaan elektrik (EV) akan datang melawat ke Malaysia pada Sabtu ini, bagi menerokai peluang pelaburan.

Katanya, dua syarikat berkenaan tidak termasuk dalam pelaburan berjumlah RM170 bilion yang diumumkan sebelum ini.

"Syarikat terbabit ialah China Harmony Auto Holding Limited dan GAC Aion New Energy Automobile Limited," katanya.

Katanya, China turut berminat untuk melabur dalam bidang teknologi angkasa, tenaga diperbaharui dan kenderaan yang menggunakan tenaga berkenaan.



Pengecas Berkelajuan Tinggi TNB Electron di kawasan Rehat dan Rawat Lebuh Raya Utara-Selatan arah utara di Ayer Keroh. - Foto hiasan NSTP/JAMAH NASRI